



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**TRANSKRIPSI PITA RAKAMAN TEMUBUAL BERSAMA ENCİK AHMAD FAUZI BIN
IBRAHIM MENGENAI KISAH HIDUP BELIAU SEBAGAI PEMAIN BOLASEPAK MALAYSIA
YANG PERNAH BERMAIN DI PRA-OLIMPIK**

MUHAMMAD ASYRAFI BIN MUHAMAD POZI

(2016709017)

NUR SYAZWANI BINTI AHMAD FAUZI

(2016352155)

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT

SESI MAC – JULAI 2018

ISI KANDUNGAN

BIL.	ISI KANDUNGAN	M/S
01.	ABSTRAK	3
02.	PENGHARGAAN	4
03.	SENARAI SINGKATAN	5-6
04.	BIODATA TEMUBUAL	7-8
05.	BIODATA TOKOH	9
06.	Pengenalan	10
07.	KAJIAN LITERATUR	11
08.	TRANSKRIP TEMUBUAL	12-44
09.	LOG TEMUBUAL	45-50
10.	INDEKS	51-52
11.	RALAT	53
12.	RUJUKAN	54
13.	LAMPIRAN	55
	• SENARAI SOALAN	56-57
	• DIARI PENYELIDIKAN	58-59
	• GAMBAR	60-67
	• PERJANJIAN	

ABSTRAK

Transkrip Temubual bersama Encik Ahmad Fauzi Bin Ibrahim Mengenai Kisah Hidup Beliau Sebagai Pemain Bolasepak Malaysia yang pernah bermain di Pra-Olimpik

Sejarah lisan amatlah penting dalam sesebuah negara. Ini kerana dengan sejarah lisan, adanya sejarah-sejarah, pengalaman dan informasi penting tentang sesebuah Negara itu dicatatkan. Walaupun di dalam zaman berteknologi sekarang, dengan adanya talifon mahupun email tidak mampu untuk menyimpan perkara-perkara sejarah lampau. Oleh itu, sejarah lisan mampu menentukan bahawa tidak semua perkembangan-perkembangan ini dilupai atau hilang sebagai bukti sejarah. Transkrip ini mengisahkan tentang bekas pemain bola sepak negara Malaysia yang pernah mewakili pra-olimpik. Beliau bernama Encik Ahmad Fauzi Bin Ibrahim. Beliau adalah dari skuad Pulau Pinang. Beliau telah menceritakan setiap kejohanan yang pernah diwakilinya. Beliau telah mengongsikan pengalaman beliau di dalam era bola sepak dahulu serta pernah menjadi kapten Pulau Pinang yang termuda. Beliau juga telah berkongsi minat beliau terhadap bola sepak sehingga dapat menjadi pemain bola sepak negara pada usia yang sangat muda. Beliau juga berkongsi pendapat tentang bola sepak zaman sekarang dan dahulu, berserta pendapat berkenaan dengan bola sepak.

Kata kunci : bekas bola sepak negara, pra-olimpik, skuad Pulau Pinang, kapten Pulau Pinang.

PENGHARGAAN



Bersyukur kami ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurnia-Nya dapat kami menyiapkan transkrip “Oral Documentation” ini dengan jayanya. Pertama sekali kami mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pensyarah kami iaitu Dr. Azree Bin Ahmad kerana memberi peluang kepada kami menghasilkan kerja kursus ini. Beliau telah banyak memberi tunjuk ajar serta penerangan yang sempurna kepada kami dari awal lagi sejak tugas ini diedarkan sehinggalah dalam proses menyiapkan tugas ini. Kami mengucapkan terima kasih kepada Dr kerana memberi kepercayaan kepada kami dalam menjalankan tugas ini sehingga jayanya.

Selain itu, kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih juga kepada Encik Ahmad Fauzi selaku Bekas Pemain Bolasepak Malaysia yang pernah mewakili Pra-Olimpik pada tahun 1972 kerana sudi menerima kami untuk menemuramah beliau. Ini semua adalah proses bagi kami mengumpul maklumat bagi menyiapkan transkrip ini. Dalam sesi temu ramah tersebut, beliau telah memberi seratus peratus komitmen dan ikhlas dalam berkongsi pengalaman beliau.

Tidak lupa juga kepada kedua ibu bapa kami yang banyak memberi sokongan serta dorongan dan juga wang ringgit dalam menghasilkan kerja kursus ini. Tanpa sokongan dan dorongan kalian mungkin tidak dapat kami menghasilkan tugas ini dengan sempurna seperti rakan-rakan yang lain.

SENARAI SINGKATAN

SINGKATAN NAMA :

NAMA SINGKATAN	NAMA SEBENAR
BN	Barisan Nasional
C	Muhammad Asyrafi (Pewawancara)
En.F	Encik Ahmad Fauzi (Penemuramah)
FAM	The Football Association of Malaysia
Isteri En.F	Isteri Encik Ahmad Fauzi (Isteri Penemuramah)
MSPP	Majlis Sukan Perbadanan Pulau Pinang
MU	Manchester United
NFDP	National Football Development Programme
PKNS	Kelab Bolasepak Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor
W	Nur Syazwani (Pewawancara)

SENARAI SINGKATAN

KATA SINGKATAN	AYAT SEBENAR
Besa	Biasa
Cam	Mengecam
Dak	Tidak
Ja	Sahaja
Ni	Ini
P	Pergi
Tak	Tidak
Tak Tau	Tidak Tahu
Tu	Itu

BIODATA PEWAWANCARA



NAMA :	Muhammad Asyrafi Bin Muhammad Pozi
TARIKH LAHIR :	20 Ogos 1996
TEMPAT LAHIR :	Pulau Pinang
UMUR :	22 Tahun
ALAMAT :	
NO. TEL :	
E- MAIL :	

BIODATA PEWAWANCARA



NAMA : Nur Syazwani Binti Ahmad Fauzi

TARIKH LAHIR : 02 Februari 1996

TEMPAT LAHIR : Kampung Makam, Pulau Pinang

UMUR : 22 Tahun

ALAMAT :

NO. TEL :

EMAIL :

BIODATA TOKOH



NAMA :	Anmad Fauzi Bin Ibrahim
NAMA SAMARAN:	Didi/Fauzi
TARIKH LAHIR :	26 June 1970
TEMPAT LAHIR :	Georgetown, Pulau Pinang
UMUR :	48 Tahun
ASAL :	
BANGSA :	Melayu
AGAMA :	Islam
STATUS :	Berkahwin
PEKERJAAN :	Pengurus Operasi Penang Port Sdn Bhd

PENGENALAN

Sejarah lisan amatlah penting bagi setiap negara. Cerita dan pengalaman zaman lampau akan lenyap dari semasa ke semasa. Zaman sekarang ini, manusia berhubung dengan cepat sesama mereka melalui telefon, email, faks atau bertemu muka. Manakala, tradisi menulis surat-surat yang panjang, nota catatan harian ataupun memo sekalipun sudah pun beroleh ke cara yang lebih moden, di mana senang untuk manusia guna, iaitu melalui telefon pintar mereka. Perkara-perkara tersebut sudah boleh diaplikasi di dalam telefon bimbit mereka. Dengan cara ini, tidak mampu diberi jaminan bahawa sejarah penting atau pengalaman penting direkodkan dan mampu disimpan untuk masa yang sangat lama. Dalam keadaan seperti ini, sejarah lisan boleh menentukan supaya tidak semua perkembangan-perkembangan dilupai atau hilang sebagai bukti sejarah.

Sejarah lisan berdasarkan kenangan seseorang terlibat dalam sesuatu peristiwa amatlah penting nilai maklumat tersebut di dalam memahami peristiwa-peristiwa yang saling berkait dari sudut yang luas. Uniknyanya sejarah lisan adalah ia dapat menghubungkan zaman yang lalu dengan zaman yang sekarang ini melalui pengalaman-pengalaman yang bersejarah. Dengan sejarah lisan juga mampu mengidupkan cara mengajar di sekolah dan institusi lain. Dengan pita-pita rakaman temuramah dengan tokoh-tokoh tertentu yang pernah memainkan peranan yang penting di dalam masyarakat boleh memberi suatu gambaran yang berkesan untuk memahami masa yang lalu tersebut.

Sejarah lisan yang direkodkan disini adalah mengenai seorang bekas pemain bola sepak Negara Malaysia. Beliau telah bermain di dalam permainan Pra-olimpik tahun 1992. Beliau bernama Encik Ahmad Fauzi Bin Ibrahim yang berasal daripada Pulau Pinang sudi meluangkan masa bersama kami untuk menceritakan pengalaman beliau tentang bola sepak. Beliau juga sudi untuk berkongsi pendapat untuk memajukan sukan Negara Malaysia ini ke tahap atas seperti dahulu kembali.

Sepanjang temuramah tersebut, Encik Ahmad Fauzi merupakan seseorang yang tidak banyak bercakap. Tetapi, dengan soalan yang ditujukan kepada beliau, beliau mampu untuk memberikan kami maklumat yang cukup bagi kami mencatatkan di dalam transkrip ini. Beliau juga telah membuatkan kami rasa bangga menjadi anak Malaysia dengan pencapaian yang beliau telah kecapai. Hal ini juga penting untuk masyarakat untuk merasa cinta dan bangga menjadi anak Malaysia.

KAJIAN LITERATUR

Hasil pengkajian ini adalah untuk mengkaji tentang bolasepak negara yang sangat berbeza pada suatu ketika dahulu. Bola sepak dahulu adalah sangat dibanggakan oleh rakyat Malaysia, dimana Malaysia sangat dikenali hingga ke peringkat antarabangsa. Permainan bola sepak pada suatu ketika dahulu adalah satu majlis yang sangat berprestij, bukan sahaja kepada penduduk tempatan itu sendiri, ia juga terkesan hingga ke seluruh dunia. Perkara sebegini, amatlah mengharumi nama negara secara tidak langsung. Pemain-pemain bola sepak pada suatu ketika dahulu juga sangat berbeza berbanding sekarang. Pemain-pemain Malaysia cukup professional di dalam permainan, malah menjaringkan gol dengan banyak mata untuk rakyat mereka yang tercinta, hingga mampu menewaskan pasukan antarabangsa.

Negara Malaysia yang terdahulu juga tidak seperti sekarang. Dahulu, mereka lebih mementingkan Negara selain dari keuntungan mereka sendiri. Politik negara pada masa yang lalu juga mampu membuktikan bahawa mereka amatlah mementingkan sukan negara, terutamanya bola sepak. Mereka memilih orang yang sangat berkecualan dan mampu untuk memegang tanggungjawab bagi membangunkan sukan-sukan negara. Latihan mereka dahulu lebih menjadi berbanding dengan latihan moden sekarang ini.

Hasil kajian ini juga dapat melahirkan rasa bangga dan cinta terhadap negara, apabila mengetahui tentang pengalaman-pengalaman tersebut. Melalui hasil kajian ini juga diharapkan agar dapat mengembalikan era bola sepak dahulu ke era pemodenan ini. Di dalam era pemodenan ini mesti akan lebih berkesan jika mengimplimentasikan teknik bola sepak dahulu dan sekarang.

Transkripsi Pita Rakaman (Pertama) Temubual Bersama Encik Ahmad Fauzi Bin Ibrahim Mengenai Kisah Hidup Beliau Sebagai Pemain Bolasepak Malaysia yang pernah bermain di Pra-Olimpik

W : Baiklah, sebelum kami memulakan sesi temuramah ini, kami akan membuat sesi pengenalan dahulu mengenai temuramah ini. Kami akan menemuramah.. aa..Encik Ahmad Fauzi sebagai bekas pemain bola sepak negara dan Negeri Pulau Pinang. Temuramah ini bertempat di kafe Starbuks Tanjung Tokong.. aa.. pada 11 malam. Tujuan ceramah ini, kami hendak mengutip maklumat daripada Encik Ahmad Fauzi untuk melengkapkan transaksi yang harus kami lakukan. Baiklah, tanpa membuang masa kami akan memulakan temuramah ini.

W : Nak mula dah ka? Nak order ayaq (air) dulu?

[bunyi pelanggan sedang bersembang di dalam kedai tersebut]

Isteri En : Nah wany.. Nah wany p (pergi) order (pesan) lah

W : Mama nak apa?

Isteri En.F : Mama dengan abah share (kongsi).

En.F : Minum apa? Order (pesan) sekali.

[bunyi pelanggan sedang bersembang di dalam kedai tersebut]

En.F : Dia mai (mari) dengan sapa (siapa)?

Isteri En.F : Ha?

En.F : Dia mai (mari) sorang (seorang) ka?

Isteri En.F : Dia mai (mari) sorang lah. Budak lelaki. Siap dengan pensil box (kotak pensil). Dia ni bawa (bawa) pensil dak (tidak).

[bunyi bising pelanggan di dalam kedai tersebut]

En.F : ha?

Isteri En.F : Siap bawa (bawa) pencil box (kotak pensil)... ergh.. sejuaknya..

En.F : Nasib bek (baik) saya pakai baju ni (ini).

[bunyi pelanggan sedang bersembang di dalam kedai tersebut]

[kedengaran bunyi talifon berbunyi daripada salah satu pelanggan]

[kedengaran bunyi barang daripada kaunter kafe]

Isteri En.F : Dia nak suruh saya pergi order (pesan), saya dah la tak pernah order (pesan). Saya dah tak (tidak) pernah order (pesan), dia nak tu (itu) lah ni (ini) lah, aku nanti pening sendiri.

[kedengaran barista membuat air di kaunter serta pelanggan bersembang]

Isteri En.F : Apa ni (ini)?

En.F : **Sat (kejap) nak (hendak) bagi e-mail kat (kepada) detu (dia) sat (kejap), tak (tidak) kalau saya tinggal ni (ini) lagi banyak, so (jadi) saya just (hanya) bukak (buka) tutup, bukak (buka) tutup je lah (sahaja lah). Pastu (lepas itu) buat balik.**

Isteri En : Awat (kenapa) yang sejuk sangat ni? Dia mai (mari) dari belakang.

[bunyi pelanggan sedang bersembang di dalam kedai tersebut]

[kedengaran barista membuat air di kaunter serta pelanggan bersembang]

[kedengaran talifon Encik Ahmad Fauzi diletakkan di atas meja]

Isteri En : Sama sekolah dengan dia masa kecik-kecik (kecil-kecil). Haritu yang kat (di) Kedah punya tu (itu) kecik (kecil) jugak (juga).

[bunyi pelanggan sedang bersembang di dalam kedai tersebut]

[kedengaran seorang pelanggan batuk]

Isteri En.F : Saya kena buat saya punya own business (hal sendiri).

[bunyi pelanggan sedang bersembang di dalam kedai tersebut]

Isteri En.F : Ergh, sejuk!

[bunyi pelanggan sedang bersembang di dalam kedai tersebut]

[kedengaran barista membuat air di kaunter serta pelanggan bersembang]

[kedengaran isteri Encik Fauzi sedang batuk]

En.F : **Dia mai (mari) dengan apa? Moto (motosikal)? Kereta?**

[kedengaran isteri Encik Fauzi sedang batuk]

Isteri En.F : [kedengaran seseorang tertendang meja] Oh jatuh!

[bunyi pelanggan sedang bersembang di dalam kedai tersebut]

En.F. : **Abah share (kongsi) dengan mama cukup en (kan)?**

[kedengaran isteri Encik Fauzi sedang batuk]

Isteri En.F : Dia beli apa?

En.F : **Ais?**

W : Dalam tu (itu) ada duit.

Isteri En.F : Ada berapa?

W : Tadi ada dua puluh 20 something (lebih) ringgit, pastu (lepas itu) wany tambah lah 50 lima puluh tu.

Isteri En.F : Tinggal lagi?

W : Taktau (tidak tahu) tak (tidak) tanya. tengok lah dalam tuu.... Okey... start (mula)..

En.F : **Start (mula)? (gelak)**

Isteri En.F : Dalam ni (ini) ada sugar (gula) dah?

W : Haa, latte... vanilla (perisa kopi)

[kedengaran seperti talifon diangkat]

Isteri En.F : Wuu, sejuk sejuk macam ni (ini) minum ais.. erghh

En.F : Ais ni? Mai (mari) dengan apa? Moto (motosikal)? Kereta?

C : Moto (motosikal). Saja senang sikit satg jem (nanti sesak) ka apa.. malaih (malas) naik kereta..

W : Sat (kejap) ha..

C: Pakcik buat terawih kat (di) mana tadi?

En.F : Sini lah.

C : Oh masjid kat (di) mana?

En.F : Tuan Guru.

C : Oh. P (pergi) kot jalan belakang tadi, kot (di) jalan yang kubuq (kubur) cina, jerat cina tu teruih (terus) p (pergi) nek (naik) kot (ke) atas kot (ke) mana lupa. Patah balik lah.

[kedengaran En Fauzi ketawa]

W : Okey.

C : Ehem.. ehem...

(kedengaran seperti fon diangkat)

W : Hang start (mula) dulu.

C : Sapa nak (hendak) rakam?

W : Aku dah rakam dah.

C : Oh rakam dah.ha okey (baik)... ni (ini) boleh mula pakcik eh..

En.F : Boleh-boleh.

C : Okey (ketawa) aaa.. bismillahhirohmanirrohim.. aaa.. assalamualaikum warahmatullahhiwabarokatu..

En.F : Waalaikumsalam

C : Jadi terima kasih lah atas kehadiran En Ahmad Fauzi untuk kami datang temudaga dan untuk tanya beberapa soalan tentang kisah hidup Encik Ahmad Fauzi..

En.F : Ha

C : Okey (ketawa) jadi.. aaa.. kita terus ke soalan yang pertama lah eh.. jadi mungkin encik boleh ceritakan mengenai kisah latar belakang encik dan sebagainya dulu..terlebih dahulu..

En.F : Sekarang?

C : Ha, mungkin daripada kecil sampai sekarang ka..

W : No (tidak), haa.. dak (tidak) sekarang ni abah bagitau (beritahu) abah punya biodata dulu..

C : Ha, latar belakang sikit..

En.F : Oh, umur apa semua laa.. okey (baik) Assalamualaikum..

C : Waalaikumsalam..

En.F : Terima kasih kerana menjemput saya sebagai temuramah sikit.. okeyy (baik).. saya Ahmad Fauzi Bin Ibrahim. Umur sekarang nak (hendak) masuk 48 tahun dah (sudah). Aa.. dah berkahwin. Isteri seorang, anak empat. Tiga perempuan satu lelaki. Okey (baik).. aaa.. okey (baik). Saya bekerja di Penang Port Sdn Bhd. Jawatan semua takyah (tidak perlu) lah eh.

C : Asal kira betul orang Penang (Pulau Pinang)?

En.F : Ha asal memang di Penang(Pulau Pinang).

C : Kawasan mana tu (itu) pakcik?

En.F : Okey (baik) nak (hendak) kata.. nak (hendak) kata.. saya Georgetown la actually (sebenarnya) kan.. kalau beranak kat (di) hospital.. (kedengaran Asyraf ketawa).. habistu (kemudian) kalau tak (tidak) salah saya bawa (bawa) ke ni...ke.. Kelawei.. Jalan Ishkam.. then on off (kemudian pergi dan balik) dengan Kampung Makam lah sebab bapak (bapa) saya orang Kelawei, Ishkamroad (Jalan Ishkam). Mak saya orang Kampung Makam. (kedengaran isteri encik fauzi sedang batuk). Bapak saya bekerja sebagai bomba so (jadi) on off (pergi dan balik) la kan sama ada dalam Penang (Pulau Pinang) lah kan, dalam Georgetown...ha.. yang itulah...dari segi..

- W : (celahan) Sebelum kerja Penang Port kerja apa ha?
- En.F : **Okey, sebelum Penang Port, saya kerja.. sebelum tu saya main bola sepenuh masa lah.**
- C: (celahan) oh, kira bermula kisah bola sepak tu dari mana? Zaman (kedengaran En Fauzi ketawa) persekolahan ka macam mana?
- En.F : **Okey (baik), actually (sebenarnya) masa main bola sepak ni daripada kecik (kecil) la kan. Daripada sekolah rendah lagi. Just (hanya) main suka-suka.**
- W : (celahan) Sekolah rendah mana?
- En.F : **Okey (baik) saya start (mula) main dari Sekolah Rendah Kebangsaan Westland.**
- C : Westland. Okey (baik) baik.
- W : (celahan) Westland ada sekolah rendah ka ?
- En.F : **Yaaa.. yang pusat sukan.. pusat sukan tu dulu sekolah rendah lah. Okey (baik).. aaa.. saya masuk sekolah tak salah tahun.. tujuh-puluh tujuh (77). Saya darjah satu. K (baik), saya start(mula) main suka-suka then (kemudian) saya mewakili sekolah (kedengaran Encik Fauzi sedang mengira “tujuh puluh satu (71),tujuh puluh dua (72),tujuh puluh tiga (73),tujuh puluh empat (74)”) ha.. (kedengaran Encik Fauzi sedang mengira “tujuh puluh tujuh (77),tujuh puluh lapan (78), tujuh puluh Sembilan (79), lapan puluh (80)) aaa, pada tahun lapan puluh (80) darjah empat (4) saya mewakili sekolah dah (sudah). Aa.. wakili sekolah untuk bawah dua belas (12) tahun, dimana yang lain-lain player (pemain) semua umur dua belas tahun (12) saya sorang saja (seorang sahaja) umur sepuluh (10) tahun. Aa.. yang tu lah yang nampak saya punya starting (permulaan) main bola lah kan. Main bola untuk sekolah rendah then (kemudian) saya main direct (terus) lah. Darjah darjah empat (4), darjah lima (5), darjah enam (6). Untuk sekolah, dan pernah juga mewakili Pulau Pinang ke... bawah dua belas tahun (12). Aa.. okeyy (baik). Then (kemudian) lepastu (selepas itu) saya ke Sekolah Menengah Westland dulu sampai form three (tingkatan tiga).. saya tak**

(tidak) sempat wakili sekolah sebab saya tukar dari form four (tingkatan empat) saya tukar ke Teknik Tunku Abdul Rahman.

C : Ohh sekolah TARP?

En.F : Haa.. sekolah TARP, Teknik Tunku Abdul Rahman Putra. Okey.. carrier (jawatan) bola sepak saya bermula.. actually yang serious (betul-betul) bermula dari situ lah sebab.. aa.. sebelum tu, yang masa main tu..apa.. selain dari main di sekolah.. saya start main kelab. Kelab di Pulau Pinang ni lah kan, sebab di Pulau Pinang ni ada liga. So saya mula bermain bolasepak dengan Kelab Sukan Belia Abadi Tanjung Tokong. Masa tu umur saya dalam form two (tingkatan dua) lah.

C : Ohh

En.F : Form two (tingkatan dua) umur berapa? Aaa.. empat belas tahun dan saya bermain untuk division dua dah. Aaa.. which is (iaitu) main dengan orang orang dewasa lah. Aaa.. saya main division dua and then (kemudian) bila umur saya lima belas saya dah main untuk Kelab Sukan Kampung Makam dalam division satu. Aaa.. Kampung Makam tu satu kelab dimana dia produce banyak player-player (pemain-pemain) muda ni untuk mewakili negeri.. aaa.. okey.. (kedengaran bunyi talifon En Fauzi) then (kemudian) bila form four (tingkatan empat) which is (iaitu) umur berapa ha? Form four (tingkatan empat) umur enam belas (16) kan? Enam belas tahun saya terpilih mewakili Pulau Pinang.. aaa.. dalam Kejohanan Piala Razak. Piala Razak bawah.. aa.. bawah lapan belas tahun (18).. tahun lapan puluh enam (86) dimana. Di Pahang lah di Pahang wakil Pulau Pinang kejohanan Piala Razak di Pahang. Di mana pada tahun itu, Pulau Pinang digelar Juara Piala Razak.. aaa.. saya part of the team lah (sebahagian daripada pasukan). Okey, lanjutan daripada kemenangan itu saya terpilih mewakili Negara, wakili Malaysia ke.. kepada Skuad Bawah lapan belas tahun (18) negaralah. Start (mula) lapan puluh enam tu kan. And then (kemudian) sambung ke lapan puluh tujuh pun saya wakil Piala Razak sekali lagi untuk Pulau Pinang dan wakil Negara juga dalam kejohanan lah bawah lapan belas tahun (18) dan bawah sembilan belas (19) tahun. Okey. And then (kemudian) tahun lapan puluh lapan (88) saya berehat sekejap untuk peperiksaan semua, then (kemudian) lapan puluh sembilan (89) saya sambung mewakili Pulau Pinang ke Kejohanan Piala President.. aa.. okey dan terpilih

mewakili Negara.. untuk skuad olimpik bawah dua puluh tiga tahun. So (jadi) dia panggil nama kami tu, Project Barcelona. Sebab Olimpik Barcelona ninety-two (sembilan puluh dua “92”). So kami skuad projek lah.. projek Barcelona sembilan puluh dua. Time tu lah (waktu itu) tahun lapan puluh Sembilan (1989). Aa..

W : Dah?

En : Lagi sambung?

W : (ketawa) haa.. sambunglah.

En.F : okeyyy..

W : (campuk) banyak nyaa..

En.F : Tahun lapan puluh Sembilan lah..wakili negaralah. Selama tiga tahun kami based (tinggal) di Kelana Jaya.. di Selangor. Aa.. lapan puluh sembilan (89), sembilan puluh (90), sembilan puluh satu (91).. kan dalam tu ada banyak tournament (kejohanan) lah yang kami masuk. Antara kejayaan yang dikecapi.. dalam kelayakan tu.. kami.. tak dapat qualified (layak) ke Olimpik, namun kami berada di tempat kedua selepas Korea Selatan. Aaa.. then (kemudian) antara kejohanan-kejohanan yang kami perolehi time tu (masa tu), kami menjuarai Pesta Sukan Merdeka Brunei. (kedenganran Wany sedang batuk) Kami juga Johan bersama Piala Raja Thai, (kedenganran Wany sedang batuk) aaa.. okey (baik)..

W : Yang tu juara ka?

En.F : Eh dak dak (tidak).

C : Aaaa.. Juara Bersama..

En.F : Dak dak (tidak) yang tu tak payah (tidak perlu), bukan bukan potang yang tu. Pesta Merdeka Brunei confirm (sah).yang tu dak (tidak), yang tu dak (tidak).. kalah kalah..

W : Piala RajaThai dak (tidak)?

(kedenganran barista membuat air di kaunter)

En.F : Dak, dak dak (tidak, tidak, tidak) Kalau pesta Piala Merdeka kami champion lah... aaa.. dalam tu lah banyak.. dalam masa tiga tahun tu

banyak exposure (pendedahan) lah kan main di Eropah.. aa.. kami pergi Eropah Timur lah kebanyakan.. kami berada di sana selama beberapa bulan. Samping ke Australia, ke Jepun, ke Hong Kong dan banyak-banyak tempat lagi lah kan. Semua untuk mengambil experience (pengalaman). Okey.. and then (selepas itu).. aaa.. selepas balik.. balik ke Penang, balik ke Pulau Pinang dalam tahun sembilan puluh satu.. sembilan puluh satu kan (91).. di Penang terus diserap masuk untuk skuad negeri Pulau Pinang. Di Pulau Pinang pada tahun sembilan belas sembilan puluh enam (1996).. kan.. selepas itu saya.. aa.. terus ke Penang Port lah kan untuk.. masuk ke Penang Port bermain dalam Piala..Piala FAM. Liga FAM.

W : Ummm.. reaction family on (tanggapan keluarga kepada) abah main bola?

C : (campuk) sejak daripada awal awal penglibatan tu macam mana?

En.F : Umm.. actually (sebenarnya)..aaa.. saya ni tiga beradik, tiga-tiga lelaki. Sebab saya yang kedua. So family (keluarga) kami memang satu.. kami tinggal di satu rumah yang besar lah di Jalan Ishkam tu dengan sepupu sepupu memang.. kami semua ni memang (campukkan dari Asyrafi “kaki bola”) minat main bola betul-betul semua. Saya, abang saya, adik saya, sepupu-sepupu saya memang kaki bola, boleh main bola sepak. Aaa.. which is (di mana)..aaa.. bapak saya tak pernah menghalang. Encouragement (galakan) dalam diam-diam lah beri encouragement (galakan) kan, tapi dia lebih tekankan lebih dari pelajaran... kan.. so (jadi) memang.. pelajaran yang first (pertama) lah.. pelajaran diutamakan namun bola dia tak menghalang. Dia bagi support (sokongan) dari segi menghantar kan.. Cuma dia tak lah macam sekarang ni parents (ibu bapa) yang terlampau eager (semangat) sangat.. terlampau ni.. dulu parents (ibu bapa) tak macam tu.. you (awak) boleh..you (awak) survive (bertahan) sendiri dalam bola sepak, tapi still support (masih sokong) dengan cara tak langsung.. aaa.. dia bagi lah dari segi kasut and whatever (dan sebagainya) dia akan supply (bekal) kan..tak macam sekarang dok (duduk) tepi padang apa tu semua takdak (tiada) macam tu.. aaa.. and then (kemudian) masa habis pelajaran tu.. k.. terus dengan bola sepak lah kan which is (di mana) yang memang ni lah..

W: Ummm.. pastu (selepas itu).. aa.. idola abah yang membuatkan abah nak.. nakk.. main bola?

C : (campuk) kira masa main kecik-kecik (kecil-kecil) ada idola dan sebagainya?
(kedengaran Asyrafi ketawa)

Isteri En : Sapia (siapa)?

En.F : **Actually (sebenarnya) banyak laa.. banyak yang saya minat kan dalam bidang bola sepak ni kan.. macam.. dari segi local (tempatan) ni saya minat dengan Ahmad Yusof. Aaa.. saya minat Ahmad Yusof ni bekas pemain Malaysia lah. Asal Pulau Pinang jugak. Dan dia bermain di Pulau Pinang dan kemudian dia main di Pahang apa semua. Satu Malaysia lah kan, pemain negara apa semua memang saya berminat dengan dia punya permainan. And then (kemudian) untuk aa.. International (antarabangsa).. saya berminat dengan Frank Rijkaard. aaa.. Frank Rijkaard..aaa.. time tu (masa itu) dia one of the player (salah satu pemain) yang top (teratas) di dunia lah. Dia bermain untuk Negara Belanda, Holland. Dan bermain untuk Kelab AC Milan. Aa... yang saya minat yang dua-dua ni sebab beliau boleh bermain beberapa posisi.. which is (dimana) saya pun macam tu.. saya bermula carrier (jawatan) sebagai pemain penyerang, kemudian ke mid field, and end up as a centre back. (kedengaran Asyrafi dan Encik Fauzi tertawa).. aaa.. which is (iaitu) Rijkaard ni.. Ahmad Yusof ni dia banyak main mid field lah.. Ahmad Yusof. Tapi Rijkaard ni dia boleh main mid field.. which is (di mana) dalam top-top level (tahap teratas) dia main mid field, dia boleh main last man jugak..aa.. centre back..last man.. leading row.. which is (di mana) saya memang minat..aaa.. dia kira success (berjaya) lah kan. Okeyy (baik)..**

W : Ummm.. (ketawa)

En.F : **Banyak dah tu.**

W : Abah dah jawab semua.. (ketawa).. aaa..

C : Posisi dah kan.. aaa...

W : Urmmm, apa lagi ha..

C : Bagaimana perasaan encik, ketika dapat tau dapat mewakili negeri, wakil Malaysia?

En.F : **Aaa.. okey.. starting (mula) wakil negeri, wakil negeri ni dia tak la macam.. saya start (mula) saya main masa dekat Kampung Makam dulu. Macam saya kata lah, Kampung Makam tu dia banyak.. dia lebih kepada kilang (celahan dari Asyraf “produce (mengeluarkan)” produce (mengeluarkan) player (pemain) yang youngster (muda-muda) untuk ke peringkat negeri lah. Which is kami yang sekelompok yang akan masuk dalm state team. Dan saya start (mula) main.. saya start mewakili Pulau Pinang sebenarnya dalam Juara Piala Emas Raja-Raja .. untuk yang ni kan... Masa tu umur saya 17. Ha.. saya yang paling muda lah dalam Pulau Pinang dalam Piala Raja-Raja. And then (kemudian) kejayaan.. aa.. masa tu.. okeyla (baik lah) kan.. memang seronok lah kan.. Cuma dari segi untuk Malaysia ni, memang excited (seronok) betul-betul lah sebab bila dah dapat dipilih sebagai champion (juara) tu.. kami pun ramai jugak yang terpilih. Kan, tapi dah selected (pemilihan) tu tinggal berapa..tinggal lima (5) enam (6) orang daripada Penang. Sama jugak di Projek Barcelona tu pun dekat sepuluh (10) orang yang pergi selection (pemilihan). Selection (pemilihan) dia agak susah lah sebab banyak phase (fasa) banyak fasa. Buat dalam dekat-dekat seratus (100) orang juga, merasa bangga lah sebab terpilih..kan.. banyak yang tak terpilih yang lepas tu terpilih kan..aa.. and then dalam kejayaan-kejayaan yang saya kecapai untuk skuad negeri pula.. aa.. kami untuk Pulau Pinang selain daripada Piala Razak tu yang bawah lapan belas (18) tu, okey (baik) untuk senior team (pasukan senior) pula.. saya besa. (pernah). Actually (sebenarnya) runners up (naib juara) je lah.. aaa.. runners up (naib juara) dalam Piala Emas Raja-Raja dalam tahun Sembilan puluh dua (92). Sembilan puluh dua (92) dan naib johan.. runners up (naib johan) jugak dalam liga division dua (2) liga Malaysia lah. Aaa... Penang Skuad.. yang Johan tu Kedah.. kami yang ke dua. Tahun Sembilan puluh satu (91). Sembilan puluh satu (91) kaa.. Sembilan puluh dua (92) kot tak silap.. sama juga..sama juga tahun Sembilan puluh dua (92).. aaa.. itulah kejayaan yang saya kecapai.. selain daripada kejayaan-kejayaan kecil lah kan macam dalam Kelab-kelab apa semua kan.. International yang tadi tu lah..**

C : Mungkin perasaan ibu bapa ketika dapat tau Encik wakil Malaysia tu macam mana?

En.F : Macam saya kata, mak saya suri rumah memang seronok lah kan memang dia dulu bekas guru, memang dia seronok lah. Bapa saya ni dia pendiam sikit, tapi bila dia dapat tau tu dia macam bangga sangat lah kan. Bila kami masa champion (Juara) kami dipanggil ke rumah Ketua Menteri Pulau Pinang masa tu kan, time tu Ketua Menteri Pulau Pinang Koh Tsu Koon. Arwah bapa saya p (pergi) hantar, then (kemudian) dapatlah sorang (seorang) satu jam sebagai penghargaan tu kan. Bapa saya memang rasa bangga sangat lah time (masa) tu. Tapi dia still (masih) (celahan dari Syazwani “yang ni..”).. dia tekankan dengan pelajaran.

W : Yang ni abah.. interview (temu ramah) untuk apa?

En.F : Aaa.. yang ni.. masa kami dinner (makan malam) untuk pasukan Pulau Pinang. Di ni lah.. di rumah tetamu di KL (Kuala Lumpur).. di (celahan dari Syazwani “di mana”) masa launching aa.. team (kumpulan) tahun sembilan puluh empat (94).

Isteri En.F : Time ni dekat Park Royal

En.F : Yang ni buat di..aa.. Park Royal kot.. aaa..

W : Launching (pelancaran) apa?

En.F : Launching (pelancaran) team (kumpulan) lah..team semi pro (kumpulan semi pro) time (masa) tu. Kami belum profesional lagi time tu. Semi pro, pasukan semi pro Pulau Pinang sembilan puluh empat (94). Yang ni lah, gambaq (gambar) ni ada lagi ha.

[Kedengaran Asyraf sedang tertawa]

En.F : Ohh, yang tu pun ada..

W : Yang ni..yang ni untuk apa abah? Yang ni, abah main kat mana [kedengaran seperti kertas sedang diberikan kepada Encik Fauzi]

En.F : Aaaa.. yang ni lah.. yang ni masa main.. masa ni main Pulau Pinang ni.. yang ni masa main Pulau Pinang, masa ni tengah injured (luka) ni.. masa ni tengah injured (luka). Tu dok tengah treatment (rawat), ni dalam liga ni lah masa tahun Sembilan puluh empat (94) kalau tak silap saya.. aaa.. tahun sembilan puluh empat masa mewakili Pulau Pinang.. ni

masa wakil Malaysia dulu lah.. dan saya (celahan dari Syazwani “ni wakil Malaysia”) dan saya juga antara kapten Pulau Pinang yang termuda. Sebab saya jadi kapten Pulau Pinang tahun sembilan puluh dua (92) masa umur dua puluh dua (22). Aaa.. diberi kepercayaan oleh coach (pelatih). Bukan local coach (pelatih tempatan), foreign coach (pelatih antarabangsa).. aaa.. yang bagi saya jadi kapten. sembilan puluh dua (92).. tahun sembilan puluh dua (92).. sembilan puluh tiga dak.. sembilan puluh empat ada lagi..

W : Aaaa.. and then.. aaa.. kalau abah tengok bola Malaysia sekarang kan.. aaa.. what do you feel (apa perasaan Encik)? Apa yang abah rasa?

En.F : Itu yang.. itu yang soalan yang best (seronok) tu [kedengaran Asyraf tertawa] sebab sekarang ni saya jarang sangat tengok bola Malaysia. Sebab saya rasa amat disappointed (kecewa) dengan..dengan mutu permainan bola sepak Malaysia. Kan..aa.. sebab dengan facility (kemudahan) yang ada sepatutnya Malaysia boleh pergi sangat-sangat jauh. Masa level. (peringkat) just to share (hanya sekadar berkongsi) lah.. masa level (peringkat) saya..masa time (masa) saya main even (walaupun) sebelum tu lagi dasyat lah Malaysia. Masa level (peringkat) saya main tu.. kalau main dengan Philipines.. Philipines which is (di mana) kita boleh pukul depa adlise (kurang-kurang) lima (5). Philipines. Tapi sekarang ni dengan Philipines nak draw (seri) pun susah [celahan dari Asyraf “betul”] betul dak?

C : Betul [kedengaran Asyraf batuk]

En.F : Makna kata Philipine punya level (peringkat).. dia macam ni tau.. Philipine dah naik macam ni, kita dok (tengah) maintain (kekal) macam tu juga. memang dari segi dia pun tak tau (tidak tahu) lah apa silap [celahan dari Asyraf “silap tang mana?”] silap.. actually (sebenarnya) boleh tau (tahu) silap dia. First (pertama), dari segi mungkin dari segi politik ka whatever (apa-apa) kan yang ni.. orang yang tak sepatutnya jaga.. [celahan dari Asyraf “bola”] bola. Sukan tu actually (sebenarnya) sukan tu sendiri. Yang sekarang ni dok dok (tengah) handle (bertanggungjawab) is (ialah) yang tu lah yang tak membangunkan bola sepak Negara. Bukan bola sepak saja, sukan-sukan lain pun contohnya badminton..certain-certain (sesetengah). Kalau Chong Wei ada Chong Wei saja tak dak Chong Wei habis. Tapi masa saya dok (tengah) main

tu.. kalau ingat Malaysia tahun bila..Malaysia champion (juara).. Thomascup [celahan dari Asyrafi “masa yang depa bawa balik tu”] masa yang Misbun, Jalani Rashid tu semua kan. Aa.. time (masa) tu.. politician (orang politik) juga jaga Tan Sri Elyas Omar, baru meninggal saja.. time (masa) tu dia Presiden BN (Barisan Nasional) tapi dia pun bagi power (kuasa) dekat Misbun and family which is (di mana) depa buat team (kumpulan) tu semua.. tapi sekarang ni bila lepas tu bila mai.. actually (sebenarnya) depa (mereka) nak control the team (menguasai kumpulan) tau.. jadi spoil (hancur) laa the.. bola sepak ni di spoilkan (di hancurkan) oleh politician (ahli politik). Aaa.. yang bagi spoil (hancur) bola sepak.. dari segi.. kita ada grass root (dari bawah). Then kesilapan dia sekarang ni, bola sepak di Malaysia ni.. saya tengok banyak diberi tanggungjawab tu semua ke cikgu sekolah.. aaa.. saya dalam satu forum.. “Forum Refreshing Course” saya highlight (tekankan) benda ni dekat dekat time (masa) tu coach (pelatih) dia Alan Harris, Rizan Bakar kan depa buat produk tu saya yang highlight (tekankan). Saya kata bukan saya nak offended (menyinggung) cikgu tapi which is (di mana) cikgu.. kan depa (mereka) kebanyakan bukan dok main bola pun. Ada yang.. ada yang bagus, cikgu-cikgu yang bagus kan cikgu Mohamad Bakar, cikgu yang pernah wakil olimpik Malaysia seventy-two (tujuh puluh dua) (72) banyak cikgu yang bagus-bagus tapi setengah-setengah even (walaupun) tak tau nak (tidak tahu hendak) tendang bola pun tapi nak jaga team (pasukan) budak-budak grass root (dari bawah) yang tu grass root (dari bawah) jadi.. jadi.. masalah grass root (dari bawah) sebab tu lah sebab.. yang tak sepatutnya jaga.. mengajar tu.. nak mengajar. Mungkin nak jaga kokurikulum ka apa ka [kedengaran Asyrafi batuk].. haa kan.. and then (kemudian) ada juga bias (berat sebelah) dari segi kalau ada sekolah ni.. sekarang ni pula macam-macam sekolah sukan lah semua kan..bagi saya sekolah sukan tak membina sangat. Masa zaman saya boleh..kami bermula bola sepak kalau di Penang ni padang yang paling banyak melahirkan bakat-bakat muda ni di Padang Brown, tau Padang Brown? Padang Broom. Aaa... kami tiap-tiap Ahad pagi haa nanti ada liga bawah empat belas (14) bawah enam belas (16).. haa.. daripada situ kan.. budak-budak timbul minat pasal bola sepak..daripada situ yang dok..dok dapat talent-talent (bakat-bakat) tu..tak perlu sekolah-sekolah sukan. Okeyla (baiklah) sekarang ni ada sekolah sukan bagus.. tapi banyak dah jadi bias (berat sebelah). Di

Penang contohnya.. ada dua kalau tak salah saya.. satu Mutiara Impian..MI kan? [celahan dari Asyrafi “ha”] satu lagi sekolah..dulu Gua Perahu pun ada, Penang Free pun ada.. sekolah-sekolah sukan kan [celahan dari Asyrafi “yay a betul-betul”].. ada sekolah kalau Penang Free.. satu coach (pelatih) tu tak payah (perlu) sebut nama lah.. cikgu tu kalau dia dapat pegang belia ka dapat pegang under age (bawah umur) ka, dia tak kan ambil budak Mutiara Impian ni. Dia tak ambil sebab apa sebab cikgu yang lagi satu ni tak ngam (tidak baik) ke apa dia tak ambil.. dia banyak ambil budak ni yang sekiannya.. macam mana team (pasukan) nak berjaya?.. sama juga bila next team (kumpulan seterusnya) tu.. cikgu ni sekolah ni yang pegang..dia tak ambil budak-budak ni.. ha yang tu pun ada timbul juga.. jadi konfik kan.. jadi macam.. menyebabkan ni kan.. aaa.. jadi dari segi grass root (dari bawah) sekalipun.. walaupun lani (sekarang) depa (mereka) buat..sekarang ni depa (mereka) buat NFDP (National Football Development Programme) lah apa semua tu kan.. macam pembangunan.. tak tau lah (tidak tahu lah), masih tak.. masih tak.. tak boleh.. that’s why (sebab itu) saya tak tengok.. saya jarang sangat tengok bola.. local especially (bola sepak tempatan terutamanya)..aa.. yang saya dok (duduk) tengok pun di rumah, kalau diaorang (mereka) tengok saya tengok. MU game (permainan Manchester United) sapa pun tak leh kacau (siapa pun tidak boleh ganggu) la [kedengaran Asyrafi tertawa] sebab saya hard fan MU (peminat tegar Manchester United) lah [kedengaran Asyrafi mencelah “okey” sambil tertawa bersama Encik Fauzi]

[kedengaran isteri Encik Fauzi turut tertawa]

W : Ni abah dekat mana?

En.F : aaa..

Isteri En.F : Yang ni dah..dah..

En.F : Yang ni masa dekat Europe ni. Europe ka Jepun ni? Aa.. ni kat, ni kat Polland. Ni semua siri-siri friendly (perlawanan persahabatan) la kat sana. Kan, kadang-kadang kat Polland [campukkan dari Asyrafi “kira berapa bulan di Europe?”] Europe dua bulan macam tu lah, dua bulan tiga bulan di Europe. Europe banyak lagi di Polland, Cappodocia, East

Germany, Germany aaa.. time tu kami p (pergi).. Australia banyak.. Australia pun sebulan.. bulan puasa kami duduk sebulan. Raya baru balik... aaa.. Jepun, [kedengaran Asyrafi sedang batuk'] Jepun, Korea tu semua tournament (kejohanan) terus lah..

W : Kira abah wakil aaa, olimpik Negara is at (adalah di) Brunei ka?

En.F : Dak dak dak (tidak), pre-olimpik (pra-olimpik). Pre olimpik (pra olimpik) tau (tahu) dia kelayakan olimpik, dia tak p (pergi) ke olimpik lagi sebab kami kalah. [celahan dari Asyrafi "draw (seri) ka"] game dia main di.. Korea dan di.. Malaysia. Pra lah kan, jadi kami dapat nombor dua. Kalau kami top (atas) daripada Korea, insyaAllah kami layak lah kan sebab kami tak... kami draw (seri) actually (sebenarnya) di Korea.. kami draw (seri). Tapi di Malaysia kami kalah sebab satu tu yang out (keluar).. tu cuma saya punya luck (nasib) tak berapa ni sikit sebab saya kerap injured (cedera). Aaa... [kedengaran Asyrafi tertawa] selalunya important-important (penting-penting) ni saya akan injured (cedera). Tu yang sayang sikit lah..aaa.. macam ni kan saya injury prone (kecederaan cedera) orang panggil. Sama juga pernah main state team (permainan tempatan) pun ada game (permainan) yang saya main tu kadang saya injured (cedera) kan, banyak injury (cedera) lah. Kira kemanisan tu ada sikit la dari bola sepak.

C : Kecederaan paling teruk pernah alami?

En.F : aaa [celahan dari Syazwani "semua lutut kan?"] Kecederaan paling teruk. Okey (baik) daripada muda lagi, masa Piala Razak dulu, sebelum champion (juara) tu..aaa.. saya ingat lagi..lawan Penang lawan Kelantan.. masa saya chalen heading (hentak bola guna kepala) tu saya kena siku. Kalau perasan kat sini ada lah.. [kedengaran Syazwani ketawa] ada ni, koyak ni. Aaa.. [campukkan dari Syazwani "ohh"] koyak ni.. kena jahit on the spot (secepat mungkin), tidak kalau depa (mereka) kata saya pengsan.. masa saya chalen heading (hentak bola guna kepala) tu dengan..sama ada dengan player Kelantan atau dengan saya punya team mate (ahli pasukan) sendiri. Kalau tak salah dengan Chong King Kong yang gambaq (gambar) tu mungkin dia.. atau other player.. tapi tu lah, kena ni. Koyak tu saya pengsan. Pengsan kat padang, bila saya sedar-sedar saya ada tepi padang. Tapi yang depa (mereka) kata actually (sebenarnya) depa (mereka) bawa mai (mari) macam pam, depa

takut saya macam nak mati. Depa (mereka) kata lah. Aaa.. [kedengaran Asyrafi batuk] macam saya tak boleh bernafas apa kan. then (kemudian) saya spend (berada) satu hari kat hospital Kelantan. Aa.. tapi lepas tu, lepas dua tiga hari tu main game (perlawanan) juga. dok (tengah) main juga. Itu masa Razak Cup (Piala Razak). And then (kemudian) satu lagi masa di Sarawak. Pun saya kena juga, sini kot kalau tak salah saya.. ada ni koyak juga ni kena siku juga ni tapi lawan dengan Sarawak [campukkan iteri Encik Fauzi “eyer” sambil tertawa] aa.. yang tu kena dua. And then (kemudian) masa lawan dengan.. masa lawan dengan tentera. Masa lawan dengan tentera. Saya biasa patah. Fractured (patah) kaki fractured (patah) laa. Fractured (patah).. retak kaki.. retak.. kaki kat (di) buku lali..aa.. tahun Sembilan puluh dua (92) kot.. Sembilan puluh dua (92)..sembilan puluh dua (92) macam tu sebab saya berehat selama tiga (3) bulan.. aaa.. tiga bulan lah.. emmm.. yang tu lah antara kecederaan yang serious (betul-betul) alami, selain daripada muscle-muscle (otot-otot) ni biasa lah kan.. saya biasa koyak ni.. tear muscle tight (koyak otot paha) ni smua tu kan.. yang tu biasa..

W : Ermm.. yang skuad yang p pre-olimpik tu semua tu kan, aaa.. semuanya from (dari) Penang ka?

En.F : Dak dak (tidak) [campukkan dari Asyrafi “campur”]. Malaysia lah, pusat satu Malaysia lah. [campukkan dari Asyrafi “yang terpilih la”]

W : Abah sorang Penang?

En.F : Penang ada lima orang. Penang paling banyak.. antara yang kalau.. adik-adik semua mungkin boleh familiar (kenal).. yang saya punya ex team mate (bekas kawan sepasukan) dulu salah satu ni adalah Ong Kim Swee, sekarang ni coach (pelatih) Malaysia ni.. yang tu team mate (kawan sepasukan) saya lah.. gambar ada tak.. tengok gambar tadi tu..

W : Yang mana?

En.F : Aaaa.. Azman Adnan tu semua kira saya punya.. [celahan dari Syazwani “yang ni la?”] yang Malaysia tadi tu. Abah tak bawa spek (cermin mata).

Isteri En.F : Sat (kejap). Spek (cermin mata) saya tak power (kuat) sangat.

En.F : Mubin Mokhtar tu semua.. Adnan Ibrahim [celahan dari Syazwani ‘Adnan Ibrahim, Pakcik Nan ka?’]

Isteri En.F : Halaa (ya lah) [kedengaran Isteri Encik Fauzi tertawa].

En.F : Ada dalam ni, kena cari buka mesti nanti ada punya. Yang Iani coach Malaysia kan [celahan dari Asyraf “haa”] dia pun saya punya team mate (kawan sepasukan) lah.

Isteri En.F : Tapi muda mungkin tak tau [celahan dari Encik Fauzi “kami muda kot mungkin tak berapa nak cam, tapi lebih kurang lah muka macam tu]

W : Okey

C : Tadi apa Dato Ong Kim Swee, apa.. Adnan Ibrahim, Yap Wai Loon, Chong King Kong, Azman Adnan, Mubin Mokhtar, Salahuddin Che Ros, [kedengaran Asyraf tertawa] aaa... tu semua saya punya team mate (rakan sepasukan) lah

W : Emm.. dah?

En.F : Banyak lah, banyak..

W : Last (akhir)?

C : Apa lagi?

W : Dah, nak tanya soalan last (akhir).

En.F : Ada dah, banyak dah?

W : Banyak lah juga.. emmm.. okey last (yang terakhir).. aa.. apa abah punya hope dalam Malaysian team (pasukan Malaysia)?

En.F : Of course (mesti) lah kita nak bola sepak Malaysia ni kembali kepada asal, di mana kalau dari dulu lagi lah, even before.. sebelum kita dilahirkan memang bola sepak Malaysia ni memang sangat-sangat digeruni di peringkat antarabangsa. Malaysia pernah dua kali layak ke olimpik kan.. tahun tujuh puluh dua (72) dan tahun lapan puluh (80) kan? lapan puluh (80) tu tak main sebab boikot tapi qualified (layak) lah. Tujuh puluh dua tu team (pasukan) yang cukup-cukup kuat..cukup-cukup dikagumi which is (iaitu) dalam.. nanti saya tunjuk, bagi gambar ni kalau saya boleh send (hantar) seventy two (tujuh puluh dua) (72)

punya olimpik team.. saya ada gambar dalam ni.. kan..dan selepas itu Malaysia dalam asia pun top (atas) nombor tiga pun digeruni. Tapi sayangnya sekarang.. kan.. nak kena main dengan Timor Leste, dengan apa [kedengaran Encik Fauzi tertawa][campukkan dari Syazwani “dulu ada orang luar main game Malaysia?”]

Isteri En.F : Ada, Singapore..

En.F : Okey.. untuk tak salah saya untuk semi pro dulu.. tahun lapan puluh sembilan (89) lah, tahun lapan puluh sembilan (89) semi pro Malaysia.. aa..semi pro tu depa (mereka) boleh import lah dalam player (pemain) untuk main kan.. yang tu yang.. actually (sebenarnya) membantu juga dari segi.. untuk ni kan.. tapi sekarang dah terlampau banyak sangat.. then (kemudian), dia punya bakat pun tak seberapa kan.. dan memang lah berharap agar.. bola sepak Malaysia kembali ke tempat yang sepatutnya lah kan.. of course (semestinya).. sekarang ni memang peminat semua dahagakan bola sepak tu [campukkan dari Asyrafi “betul”] walau macam mana teruk pun, peminat masih lagi pergi stadium. Sebab dia nak sorak, nak apa semua..kan.. tapi dengan permainan dekat bakat yang ada semua ni masih tak cukup lagi, nak harapkan harapan bola sepak Malaysia kembali ke tahap yang [campukkan dari Asyrafi “sebenar”] dulu. Tak tau lah, banyak lah langkang tu kan.. mungkin dari segi development lah actually grass root (pembetulan dari mula sebenarnya). Sekarang ni ada lah, grass root (dari mula) yang depa dok buat sekarang ni kan.. tak tau lah mungkin berjaya atau tak berjaya kan.. tapi banyak sangat dah pula dah.. banyak team (pasukan) kan yang.. banyak pula dah dua tiga team sampai yang ni.. sampai dulu NFDP, yang ada lagi yang apa..tak tau lah..tapi yang tulah politik lah yang ni.. bukan team (pasukan) dia yang ni dengan team (pasukan) dia yang ni tu yang jadi masalah. Kan banyak [celahan dari Asyrafi “bagi satu team yang kuat tu susah la dak?”] aaa.. Malaysia satu team (pasukan) dulu French United pun satu team pula dah. Kan, MSPP (Majlis Perbadanan Sukan Pulau Pinang) pun dah satu team (pasukan).. kan.. untuk budak-budak pecahan umur yang sama juga. sayang lah, pasal ada ada.. tak tau lah kan.. kepentingan ka.. apa ka.. dulu takdak (tiada), dulu satu bawah FAM (The Football Association of Malaysia) satu lah kan.. even banyak bola sepak di Malaysia ni banyak yang.. even (walaupun) di Penang, Penang takdak (tiada) support (tiada sokongan)

